

05/01/2003

`Pupuk semangat cintakan produk kraf tempatan'

LANGKAWI: Rasa bangga rakyat negara China, India, Thailand dan Indonesia terhadap produk kraf keluaran negara mereka sehingga menguasai pasaran di negara masing-masing, perlu dicontohi.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sehubungan itu, semangat cintakan produk kraf tempatan dan sikap `mesti beli' perlu dipupuk menerusi pelbagai aktiviti yang dianjurkan agensi berkaitan.

Katanya, Perbadanan Kraftangan Malaysia perlu memperkemaskan strategi promosi dan pemasaran kraf tempatan bagi mengelak mana-mana pihak mengambil kesempatan menjual kraftangan dari negara lain.

"Perkara ini perlu diberikan perhatian serius. Produk kraf tempatan sepatutnya dijual di merata-rata kedai untuk memudahkan pembeli mendapatkan produk yang diminati serta pelbagai," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Malam Gemilang Mahsuri iaitu sebahagian daripada aktiviti `Fiesta Kraf Di Bumi Mahsuri' di Kompleks Kraf Langkawi di Teluk Yu, di sini, malam kelmarin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Zakiah Hashim; Pengerusi Perbadanan Kraftangan Malaysia, Mastika Junaidah Husin dan Ketua Pengarahnya, Zakiah Ahmad.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam lawatan peribadi dua hari bersama keluarga ke pulau peranginan ini turut singgah untuk menyaksikan pelbagai produk kraf yang dipamerkan di galeri kompleks itu.

Fiesta Kraf selama lima hari yang berakhir hari ini adalah satu usaha Perbadanan Kraftangan bagi memperkenalkan Kompleks Kraf Langkawi sebagai destinasi membeli kraf di sini.